

20,000 akan sambut Perdana Menteri di Ipoh

IPOH, Selasa — Kira-kira 20,000 orang akan menyambut ketibaan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam satu upacara mengalu-alukan lawatan rasmi dua hari ke Perak bermula esok.

Menteri Besar, Datuk Seri Haji Wan Mohamed bin Haji Wan Teh akan mengetuai upacara sambutan setibanya Perdana Menteri di lapangan terbang di sini petang esok.

Bandar ini telahpun dihias indah. Bendera-bendera Malaysia dan Perak dikibar sepanjang jalan-jalan utama.

Lawatan tersebut yang pertama sejak Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Ketua Perhubungan UMNO dan Barisan Nasional Perak dilantik menjadi Perdana Menteri.

Menteri Besar memberitahu satu sidang akhbar hari ini, Datuk Seri Dr. Mahathir akan berucap kepada orang ramai di satu pentas khas setibanya di sini.

Menyambut

Turut menyambut ketibaan Perdana Menteri ialah 400 orang ahli Pergerakan Pemuda UMNO dan Wanita UMNO Perak.

Tambahnya, Perdana Menteri kemudian akan berlepas ke bilik gerakan Bangunan Setiausaha Kerajaan di sini untuk mendengar taklimat pembangunan dan keselamatan negeri.

Selepas itu, Datuk Seri Dr. Mahathir akan mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Perhubungan UMNO Perak di kediaman Menteri Besar.

Pada sebelah malamnya, Perdana Menteri dan isteri akan hadir di satu majlis makan malam di Dewan Bandaran yang akan dihadiri oleh kira-kira 1,000 orang tetamu.

Keesokan harinya, beliau akan merasmikan seminar pembangunan untuk kira-kira 150 orang wakil rakyat dan ketua jabatan kerajaan di Perak.

Selepas perasmian seminar yang akan dilangsungkan di Tambun Inn itu, Perdana Menteri akan bertolak ke Istana Iskandariah, Kuala Kangsar untuk menerima anugerah Seri Paduka Cura Simanja Kini (SPCM) yang membawa gelaran 'Dato' Seri dari Sultan Perak. Ia akan berlangsung ketika para pembesar negeri menghadiri istiadat menjunjung duli.

Penganugerahan itu dibuat bersempena hari ulangtahun keputeraan